

'Tiada maklumat KMM terbabit serangan'

PUTRAJAYA: Kerajaan tidak mempunyai sebarang maklumat yang mengaitkan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) sebagai dalang serangan di selatan Thailand pada 28 April lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata jika Kerajaan Thailand yakin KMM terbabit mencetuskan pertempuran dan pergolakan itu, negara berkenaan harus melakukan siasatan menyeluruh.

"Kalau dia kata KMM, adakah maknanya kumpulan Militan Malaysia (KMM). Kita tidak ada maklumat KMM terbabit dalam gerakan keganasan di situ," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas sesi pertama Rundingan Bajet 2005 di Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri diminta mengulas dakwaan pihak berkuasa Thailand bahawa KMM dari Jemaah Islamiah (JI) menjadi dalang serangan pos tentera dan polis di selatan negara itu baru-baru ini.

Akhbar berbahasa Inggeris Thailand, *Bangkok Post*, semalam memetik sumber tentera negara itu berkata, risikan mengenal pasti

KMM yang berpangkalan di Malaysia dari JI dari Indonesia terbabit dalam serangan yang mengorbankan 112 orang itu.

Akhbar itu turut melaporkan mereka yang terbabit dalam pertempuran dibantu JI serta KMM dan sehingga 300 juta baht (RM30 juta) digerakkan untuk menjalankan kegiatan keganasan.

Abdullah sangsi KMM terbabit dalam pergolakan di selatan Thailand berikutan kewujudannya bertujuan mencetuskan pemberontakan di Malaysia dan bukan di negara jiran itu.

"Matlamat KMM terhadap kita.

KMM tidak terbabit dengan kegiatan mengganas terhadap Kerajaan Thailand," katanya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan ketika ini tidak akan bertindak berdasarkan dakwaan semata-mata, ia sedia menyiasat jika ada maklumat kukuh.

"Jika Thailand begitu spesifik ini memang berlaku, kita tentu sekali mahu selidik dan mahu mendapat maklumat tambahan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, spekulasi akhbar *Bangkok Post* berhubung dakwaan KMM menjadi dalang pertempuran di selatan Thailand tidak akan memberi kesan kepada negara.



ABDULLAH diiringi beberapa menteri dan timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri meninggalkan pentas utama selepas perhimpunan bulanan Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, semalam. - Gambar oleh Hadzme Mohd Jaafar